

Tiada campur tangan rasionalisasi portfolio aset PETRONAS: PM

Anwar tegaskan pelaksanaan ambil kira ketidaktentuan pasaran minyak dan gas global

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan rasionalisasi portfolio aset PETRONAS dibuat berasaskan penilaian aset hulu syarikat secara berterusan mengikut kebijaksanaan dan pertimbangan komersial tanpa campur tangan politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, PETRONAS adalah satu badan korporat yang diiktiraf antara syarikat terbaik dunia dan perspektif jangka panjang harus diambil kira dengan melihat kepada ketidaktentuan dalam pasaran minyak dan gas global.

“PETRONAS harus mengambil kira portfolio asetnya. Kita melihat (PETRONAS mempunyai aset) di beberapa negara seperti di Brazil yang mempunyai tujuh blok hulu, tiga blok pembangunan dan empat blok penerokaan.

“Sama seperti di Kanada. Operasi di Kanada adalah pasaran yang strategik kerana kekuatan rizab gas asli itu besar kira-kira 50 trilion kaki padu (TCF). Ia telah mula dieksport bersama dengan beberapa syarikat gergasi yang lain,” katanya pada Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk

Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau).

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, penilaian semula aset hulu seperti berlaku di Brazil adalah penting dilakukan secara berterusan.

“Mengikut pengalaman kita, kita serahkan kebijaksanaan dan pertimbangan komersial itu dan pelaburan kepada PETRONAS tanpa campur tangan politik. Mereka hanya melaporkan (kepada kerajaan),” katanya.

Kepada soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin), Anwar berkata langkah pengurangan pekerja dibuat secara berperingkat atas pelbagai faktor, antaranya pertindihan skop tugas berikutan peralihan kepada teknologi baharu dan kecerdasan buatan (AI).

Pekerja terkesan tak diabaikan

Bagaimanapun, Anwar berkata, pekerja yang terkesan itu tidak diabaikan, sebaliknya ada pelbagai inisiatif diambil bagi memastikan kebajikan mereka dan keluarga.

“Saya tak kata ini satu perkara ringan, kita prihatin. Saya sendiri berbincang dengan Presideh (PETRONAS) Tengku Tan Sri Muhammad Taufik berulang kali bagi tangani masalah ini.

“Soalnya PETRONAS masih mencatat keuntungan. Jadi oleh itu, mengapa dan apa kemunasabahannya untuk membuang pekerja-pekerja ini atau untuk menghentikan?”

“Alasannya ialah pertama, soalnya peralihan dari s'egi keberkesanan kerana menggunakan teknologi baru termasuk digitalisasi, AI. Ada pertindihan pekerja,” katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, pengurangan pekerja bukan hanya dilakukan PETRONAS, tetapi banyak syarikat

gergasi lain.

“British Petroleum mengumumkan umpamanya pembuangan 6,200 pekerja menjelang akhir 2025. Chevron, 8,000 hingga 9,000 yang diumumkan pada Februari tahun ini,” katanya.

Menjawab soalan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA-Muar), Anwar berkata PETRONAS hanya membuat pembelian gas asli cecair (LNG) dari Amerika Syarikat (AS) mengikut keperluan dan berdasarkan terma komersial yang tidak akan membebankan syarikat dan negara.

Beliau berkata Malaysia tidak akan sesekali mengimport masuk LNG lebih daripada bekalan yang diperlukan.

“Dalam persetujuan itu, kita import apa yang kita perlukan dan di antara negara (berlaku transaksi) import sekarang ini adalah dari Amerika Syarikat (AS).

“Jadi keputusan PETRONAS itu tertakluk kepada keupayaan dan keperluan kita. Kita tidak import lebih daripada itu,” katanya.

Beliau juga berkata proses yang sama turut diamalkan membabitkan pembelian LNG dengan negara lain.

“Kena ingat juga bahawa Malaysia mengeksport dan kalau harga itu kompetitif, dianggap projek itu *conventionally viable*, ada kemunasabahannya kita import tambahan termasuk dari AS jika menguntungkan kerana keperluan kita dan hasil kita masih lagi diperlukan di Jepun, Korea dan China, malah, permintaan China itu tinggi.

“Dengan negara-negara lain prosesnya sama, mana-mana negara di mana ada imbalan yang memihak kepada kita, atau kepada mereka ini menjadi pertimbangan,” katanya.